

MEDIA CETAK (AKHBAR) SEBAGAI MEDIUM PEMEROLEHAN BAHASA PERTAMA DAN KEDUA MURID LEMBAM

¹Siti Noridayu Abd. Nasir, ²Hazlina Abdul Halim & ³Ahmad Shuib Yahaya

¹*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

²*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*

³*Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia*

¹*Corresponding author: noridayu87_nasir@yahoo.com*

ABSTRACT

Media cetak seperti akhbar masih lagi relevan digunakan sebagai bahan bacaan dan pemerolehan bahasa berkesan. Hal ini kerana, harganya mampu dimiliki dan menggunakan artikel yang disunting dengan baik oleh editor. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenal pasti pemerolehan bahasa remaja lembam melalui media cetak. Remaja lembam memperoleh bahasa dalam keadaan yang berbeza dengan remaja normal. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat sejauh mana pemerolehan dalam bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) melalui dapatan kajian. Kajian ini juga menggunakan artikel terpilih di dalam akhbar bercetak *Metro* dan *The Star* keluaran Januari 2022. Sebanyak lima artikel bahasa Melayu (*Berita Harian*) dan lima artikel bahasa Inggeris (*New Straits Time*) telah dipilih sebagai item kajian. Teori yang diaplikasikan adalah Behaviorisme yang memfokuskan kepada Teori Pelaziman Operasi yang dipelopori oleh E.L Thorndike (1874-1949). Dalam teori ini hukum kesediaan reponden dikaitkan dengan pemerolehan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2). Data kajian diperolehi melalui hasil jawapan daripada ujian yang dijalankan menggunakan artikel daripada *Berita Harian* dan *New Straits Time*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa remaja lembam dapat memperoleh bahasa pertama (B1) melalui artikel yang diterbitkan melalui media cetak. Proses pengulangan penekanan terhadap perkataan serta ayat di dalam artikel dapat meningkatkan pemerolehan bahasa remaja lembam. Hal ini kerana, bahasa Melayu merupakan bahasa pertama (B1) yang mudah difahami oleh responden. Manakala, bagi pemerolehan bahasa kedua (B2) pula menunjukkan kelemahan yang ketara kepada responden kerana tidak digunakan sebagai bahasa utama dalam komunikasi hariannya.

Kata kunci: media cetak, pemerolehan bahasa, bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2), Teori Pelaziman Operasi E.L Thorndike;

ABSTRACT

Printed media such as newspapers are still relevant for used as an effective reading and language acquisition materials. This is because, the price is affordable and uses articles that are well edited by the editor. Therefore, this study was conducted with the aim of identifying the language acquisition of sluggish adolescents through print media. Indolent adolescents acquire language in different situations than normal adolescents. Therefore, this study aims to look at the extent of acquisition in first language (B1) and second language (B2) through the findings of the study. The study also used selected articles in the January 2022 issue of *Metro* and *The Star*. A total of five Malay language articles (*Berita Harian*)

and five English language articles (New Straits Time) were selected as study items. The applied theory is Behaviorism which focuses on the Theory of Operational Conditioning pioneered by E.L Thorndike (1874-1949). In this theory the law of respondent readiness is associated with the acquisition of a first language (B1) and a second language (B2). Study data were obtained through the results of responses from tests conducted using articles from Berita Harian and New Straits Time. The results showed that indolent adolescents were able to acquire their first language (B1) through articles published through print media. The process of repeating the emphasis on words as well as sentences in the article can improve the language acquisition of sluggish adolescents. This is because, Malay is the first language (B1) that is easily understood by respondents. Meanwhile, for the acquisition of a second language (B2) also showed a significant weakness to the respondents because it is not used as the main language in their daily communication.

Keywords: newspaper, language acquisition, first language (B1) and second language (B2), E.L Thorndike's Theory of Operation Persuasion;

PENGENALAN

Media cetak merupakan salah satu daripada cabang dalam media massa di dunia. Noraihan Mohamad, Mohd Sobhi Ishak & Sabrina Mohd Rashid (2016) menjelaskan dari perspektif media, keputusan pembelian pengguna tidak hanya bergantung kepada maklumat yang bersumberkan satu media sahaja. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis media yang memberikan kebaikan dalam pelbagai bidang. Namun begitu, penggunaan media cetak jarang digunakan pada masa kini kerana berlaku persaingan dengan media sosial yang lebih mudah diakses. Vience Mutiara Rumata (2018) menjelaskan media cetak menjadi salah satu industri yang terkesan dengan perubahan-perubahan tersebut. Malah, Hasrul Hashim & Mohd Azul Mohamad Salleh (2021) menjelaskan ketika dunia sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19, aspek penyaluran maklumat di dalam semua platform media telah berkembang dengan sangat pantas terutama sekali di dalam media sosial. Hal ini telah meminggirkan kepentingan dan kebaikan penerbitan media cetak seperti akhbar yang mempunyai penulisan bahasa yang baik.

Chew Fong Peng & Rusdaine Mohamed (2013) menjelaskan dalam masyarakat yang tinggi tamadunya, pelajaran disampaikan dengan berbagai-bagai corak komunikasi termasuklah komunikasi massa untuk menyampaikan mesej-mesej pelajaran, pengetahuan dan pelbagai maklumat. Oleh itu, kepentingan media cetak seperti akhbar masih relevan diaplikasikan sebagai medium pembelajaran bahasa yang baik dalam kalangan murid. Malah, (Chew Fong Peng & Rusdaine Mohamed, 2013) menyatakan lagi bahawa penggunaan media massa dalam pengajaran merupakan satu alternatif kepada guru-guru bahasa Melayu untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan. Akhbar merangkumi aspek komunikasi dengan cara penyampaian maklumat melalui penulisan berita atau teks kepada masyarakat. Malah, umum mengetahui bahawa media cetak seperti akhbar telah muncul sejak zaman sebelum menjelang kemerdekaan lagi sebagai wadah penyampai informasi.

Kepentingan dan kebaikan akhbar sebagai salah satu media massa di Malaysia dapat memberikan kebaikan dalam sektor pendidikan. Harga akhbar yang murah dan mampu dibeli oleh semua lapisan masyarakat dapat membantu meningkatkan pemerolehan bahasa dalam kalangan murid. Annaliza Mohd Isa et al., (2021) menjelaskan pelbagai transformasi telah dijalankan dalam usaha untuk menambah baik kualiti pendidikan negara. Tidak terkecuali murid yang mengalami masalah pembelajaran dalam meningkatkan perbendaharaan kata bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2). Murid yang mengalami masalah lambat merupakan salah satu jenis gangguan dalam pembelajaran bahasa yang lazimnya berlaku. Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Bukhari (2016) menjelaskan bahawa kanak-kanak lambat dapat menguasai kefahaman bahasa Melayu dari aspek huruf dan suku kata, tetapi penguasaan perkataan adalah pada tahap sederhana khususnya membaca dan menulis. Peluang dalam pendidikan juga harus diberikan kepada murid berkeperluan khas seperti murid normal yang lain. Shaidatul Nadira binti Shaharum & Roslinda binti Rosli (2018) menyatakan walaupun mereka tidak

seperti kanak-kanak normal yang lain, tetapi dengan gaya pembelajaran yang sesuai dan tepat, mereka juga boleh menguasai sesuatu cabang ilmu dengan baik.

Antara aspek utama yang perlu dikuasai adalah komunikasi melibatkan bahasa melalui lisan dan teks sebelum dapat menguasai bidang ilmu lain. Oleh itu, akhbar yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris dapat dijadikan bahan pembelajaran yang berkesan kepada murid lembam. Hal ini kerana, pembelajaran melalui atas talian menghadkan pemerolehan bahasa murid lembam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini. Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran (2021) menjelaskan bahawa pandemik Covid-19 yang melanda dunia kini telah merubah situasi semasa, terutamanya sektor pendidikan. Irma Mahad et al.,(2021) menyatakan bahawa pembelajaran secara fizikal terpaksa bertukar kepada pembelajaran secara dalam talian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cheah Yi Lin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2020) menjelaskan penglibatan aktif dalam interaksi sosial yang terhad dalam kurang membantu pemeroleh bahasa kedua dalam menguasai kemahiran lisan Bahasa Melayu terutamanya sepanjang tempoh pelaksanaan PKP yang berada di rumah. Maka, bagi keluarga yang tinggal di luar bandar kos pendidikan yang rendah menjadi pilihan kerana kemampuan yang terhad dalam aspek kewangan. Media cetak seperti akhbar dijual dengan harga yang murah dan mampu dibeli oleh setiap ibu bapa sebagai bahan pembelajaran kepada anak mereka. Oleh itu, murid lembam daripada keluarga berpendapatan sederhana boleh menjadikan akhbar sebagai medium pembelajaran bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B1).

SOROTAN LITERATUR

Media massa

Kajian lepas yang dijalankan berkaitan media massa seperti media cetak telah memberikan ruang bagi kajian yang dijalankan ini. Emilsyah Nur (2021) menjalankan kajian tentang peranan media massa dalam menghadapi cabaran daripada media atas talian. Dapatan kajian mendapati peranan jurnalis begitu kritikal dengan syarikat penerbitan yang mengalami masalah dalam pandemik Covid-19. Malah, media baharu yang menggunakan aplikasi internet menjadi pilihan dengan teknologi yang dapat berfungsi secara peribadi serta umum. Khomsahrial Romli (2021) menjalankan kajian tentang keupayaan media massa dalam pemahaman berkaitan penjarakan sosial kepada masyarakat. Hasil kajian ini menunjukkan informasi daripada televiyen dan mesia sosial merupakan saluran yang boleh dipercayai berkaitan virus Covid-19. Mohd Fadhil Aziz & Mardzelah Makhsin (2021) menjalankan kajian tentang pengaruh media sosial terhadap penampilan sikap individu. Dapatan mendapati terdapat kebaikan dan keburukan dalam penggunaan media sosial yang mempengaruhi sikap pelajar. Maka, peranan pendidik begitu penting dalam memberikan penekanan elemen berkaitan untuk mengelakkan berlakunya masalah sosial dalam kalangan pelajar. Saifulazry bin Mokhtar et al.,(2021) menjalankan analisis kajian dalam prospek serta cabaran dakwah yang melibatkan media kontemporari. Hasil kajian menunjukkan pelbagai cabaran perlu ditangani dengan isu berkaitan agama dan munculnya pendakwah palsu dengan dan bersedia dengan teknologi maklumat melibatkan media kontemporari masa kini. Yofiendi Indah Indainanto (2021) menjalankan kajian berkaitan masa depan media massa dalam era digital. Keputusan kajian menunjukkan kemunculan media baharu seiring perkembangan teknologi telah memaksa media lama melakukan perubahan dalam kandungan dan penampilannya.

Pemerolehan bahasa

Dewi Kumala Sari & Rasyimah (2021) menjalankan kajian berkaitan aspek neuropsikolinguistik dengan melihat teori linguistik dan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Keputusan kajian ini memperlihatkan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak pada saat dilahirkan hingga lima tahun dipengaruhi oleh faktor usia, bahasa ibunda dan persekitarannya. Riris Valentina Sihombing (2021) menjalankan kajian kepada pemerolehan bahasa kanak-kanak pada usia dua tahun. Hasil kajian menunjukkan pemerolehan bahasa responden kajian dari aspek sintaksis telah dapat merangkaikan perkataan yang sederhana. Perkataan tersebut bermula daripada satu perkataan hingga tiga perkataan

yang digabungkan menjadi satu ayat. Malah, responden mempunyai pemerolehan bahasa yang baik dari segi kata sifat, kata kerja dan perkataan yang menunjukkan sesuatu item. Ulfa Khusnatul Hidayah, Mohamad Jazeri & Binti Maunah (2021) menjalankan kajian tentang teori pemerolehan bahasa nativisme *Language Acquisition Device* (LAD). Dapatan menunjukkan kelebihan dalam Teori Nativisme dapat menonjolkan bakat manusia, mendorong kewujudan diri manusia secara kompetensi, membantu manusia dalam menentukan pilihan diri dan mendorong perkembangan potensi diri manusia. Malah, dalam bahasa Indonesia juga tanpa disedari telah melibatkan Teori Nativisme dan menunjukkan manusia memiliki sifat berbeza yang sukar diubah kerana telah sebatu dalam diri. Muhamad Yasir (2021) menjalankan kajian bahasa pertama pada kanak-kanak berusia sembilan tahun dengan melihat aspek fonologi dan ujaran. Keputusan kajian mendapati responden kajian memiliki tiga pola pemerolehan fonologi, iaitu penggantian, penghilangan dan reduplikasi. Data ini diperolehi daripada kata kerja, kata sifat dan kata benda. Responden kajian juga berada pada tahap pembinaan dua perkataan. Yul Mahmudah (2021) menjalankan kajian tentang perkembangan bahasa kanak-kanak kini melalui kajian lepas. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan tatabahasa kanak-kanak bermula daripada satu perkataan atau ayat tetapi beberapa perkataan hadir dengan ayat yang kompleks. Oleh itu, binaan ayat tersebut wujud dalam frasa hadapan, peraturan dan bentuk jamak yang perlu diperbetulkan lagi. Hal ini kerana, pada awal perkembangan bahasa kanak-kanak terdapat banyak kesalahan dan orang dewasa perlu mempunyai kesabaran dalam memperbaiki struktur bahasa sepanjang pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku.

Berkeperluan khas (lembam)

Abdul Majid Khan Rana et al., (2021) menjalankan kajian tentang amalan di dalam bilik darjah kepada pelajar lembam di Punjabi dan Pakistan. Keputusan kajian menunjukkan hampir setiap guru merancang pengajaran mengikut keperluan setiap pelajar. Malah, guru menggunakan pendekatan motivasi, strategi pengajaran dan kosa kata yang mudah dalam bahasa. Selain itu, guru juga menajar kurikulum yang telah diubah suai mengikut keperluan. Selain itu, tidak terdapat perbezaan antara guru lelaki dan wanita dalam mengaplikasikan amalan tersebut di dalam bilik darjah. Fajriah Fajriah (2021) menjalankan kajian tentang pembangunan model perkhidmatan pembelajaran kepada pelajar lembam bagi mengoptimalkan pendidikan inklusif di sekolah menengah. Hasil percubaan model menunjukkan beza purata yang ketara berlaku sebelum dan selepas. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan pembelajaran dengan model ini membolehkan kanak-kanak lembam menjawab perbualan dan bekerja dengan orang lain. Malah, model ini membantu dalam melakukan aktiviti bebas serta memberikan fokus dalam pembelajaran. Appaji Korikana (2020) menjalankan kajian tentang masalah lembam dan bagaimana cara memberikan peluang dalam pendidikan kepada mereka untuk berjaya. Keputusan kajian menunjukkan kaunseling merupakan cara yang sesuai untuk meningkatkan aktiviti pembelajaran murid lembam. Oleh itu, melalui kaunseling juga didapati bahawa telah ramai murid lembam yang berjaya dalam akademik dengan peluang pendidikan yang sesuai dengan mereka. Choy Sow Yan & Hazura Mohamed (2020) menjalankan kajian tentang aplikasi permainan untuk subjek Matematik kepada murid lembam. Kajian ilmiah ini memperlihatkan pembangunan aplikasi menggunakan pembelajaran yang berasaskan permainan kepada murid lembam. Pembelajaran berasaskan permainan dapat meningkatkan aspek motivasi mereka. Oleh itu, projek ini dibangunkan menggunakan model ADDIE dengan perisian termasuk *Unity*, *Adobe Photoshop CS6*, *Adobe Premiere Pro CC* juga *Pembangunan Perisian Android Kitt (SDK)*. Puteri Roslina Abdul Wahid et al., (2017) menjalankan kajian tentang pembangunan kit asas membaca untuk kanak-kanak lembam. Dapatan menunjukkan perlunya penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang mempunyai modul, latihan dan sebagainya kepada kanak-kanak lembam. Hal ini kerana, bagi membolehkan kanak-kanak lembam belajar dengan lebih efektif. Malah, kit asas membaca ini kurang dihasilkan kerana kekangan dalam dunia teknologi yang lebih menumpukan kajian berkaitan multimedia.

Masalah pembelajaran

Azman Ab Rahman et al., (2021) menjalankan kajian tentang cabaran dalam pembelajaran Pendidikan Islam kepada pelajar yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Keputusan kajian menunjukkan

cabaran Pendidikan Islam kepada pelajar bermasalah dalam pembelajaran adalah kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) sepanjang kelas atas talian dijalankan. Malah, komitmen pelajar serta ibu bapa, kepakaran dan kemahiran dalam BBM menjadikan proses pembelajaran murid bermasalah dalam pembelajaran menjadi sukar. Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud (2021) menjalankan kajian tentang tingkah laku, minat dan cara pembelajaran murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran di sekolah. Dapatan kajian mendapati penyampaian guru dalam kelas adalah salah satu punca masalah tingkah laku murid yang bermasalah dalam pelajaran menjadi murid tidak berminat untuk belajar. Oleh itu, pendekatan yang sesuai oleh guru perlu dilaksanakan sesuai dengan pembelajaran murid. Malah, gaya pengajaran perlu mengambil kira faktor penguasaan, tahap perkembangan murid, minat dan latar belakang murid. Oleh yang demikian, kajian ini menunjukkan terdapat tiga gaya pembelajaran melalui auditori, visual dan kinestetik. Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin (2021) menjalankan kajian tentang pelaksanaan pedagogi inklusif kepada murid berkeperluan khas yang menghadap masalah pembelajaran. Keputusan kajian menunjukkan terdapat kepelbagaian dalam cara yang digunakan. Antaranya adalah secara koperatif, pembelajaran Non-Directive, pembelajaran secara aktif, kaedah bercerita dan pengajaran bersama. Amalan pedagogi inklusif ini mempunyai kelebihan dalam peningkatan kemahiran sosial murid. Malah, cara ini meningkatkan keyakinan diri murid, berdikari, perkongsian idea, penyertaan bersama dan bekerjasama. Stefania Cataudella et al., (2021) menjalankan kajian tentang aspek psikologi pelajar yang mengalami masalah pembelajaran dalam E-Persekitaran. Dapatan kajian menunjukkan kekurangan perhatian menyebabkan pelajar meningkatkan tekanan emosi, kebimbangan, kesejahteraan diri, harga diri dan kecekapan sendiri yang rendah. Oleh itu, kajian juga melihat sejauh mana pelajar boleh membangunkan tahap kawalan sendiri dan kesedaran emosi. Data juga dibincangkan dalam promosi e-pembelajaran yang memfokuskan kepada kesejahteraan psikologi pelajar dengan menggunakan alatan teknologi. Nusaibah Wan Fatul & Aliza Alias (2020) menjalankan kajian tentang pengetahuan guru prasekolah tentang ciri murid yang mengalami masalah pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan guru prasekolah mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran. Maka, perlunya guru prasekolah diberikan pemantapan dan pendedahan mengenai pelajar bermasalah dalam pembelajaran serta strategi untuk mengajar mereka. Pengetahuan tentang ciri pelajar bermasalah dalam pembelajaran dapat membantu guru memberikan perhatian dan menggunakan bahan banyu mengajar yang lebih efektif.

Teori Pelaziman Operasi E.L Thorndike

Maroua Rogti (2021) menjalankan kajian tentang behaviorisme sebagai rangsangan luar untuk meningkatkan ekstrinsik pelajar serta motivasi melalui tindak balas tingkah laku dalam pendidikan di kolej. Dapatan kajian ini membincangkan hasil eksperimen yang dijalankan oleh Thorndike telah memperkenalkan prinsip pembelajaran antara hukum dalam kesan yang lazimnya berdasarkan reaksi emosi manusia serta melibatkan perasaan. Malah, dalam prinsip Thorndike juga melibatkan kepuasan perasaan yang menyumbang kepada pengukuhan pembelajaran. Selain itu, proses pembelajaran menjadi lemah kerana perasaan marah dan kecewa yang dialami. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali et al., (2021) menjalankan kajian tentang gelagat pengguna serta penjana kekayaan semasa pandemik Covid-19 dengan menggunakan Analisis Konseptual. Keputusan kajian ini mencadangkan tindakan yang diambil oleh kerajaan mewujudkan tindak balas yang positif dan negative melalui analisis teori pembelajaran pengguna. Selain itu, analisis kajian ini mengaplikasikan Teori Pelaziman Operasi/*operant conditioning theory* yang mencadangkan empat kategori pengguna semasa pandemik Covid-19. Hasan Basri et al., (2020) menjalankan kajian tentang Teori Pelaziman Operasi. Dapatan menunjukkan bahawa Teori Pelaziman Operasi mengatakan semua tingkah laku manusia adalah hasil daripada kebiasaan, iaitu latihan dan tabiat dalam tindak balas terhadap keadaan serta rangsangan tertentu dalam kehidupan. Namun begitu, kelemahan Teori Pelaziman Operasi adalah pembelajaran yang berlaku secara automatic dan keaktifan serta keazaman peribadi dalam pembelajaran tertentu yang berlaku. Agus Miftakus Surur (2020) menjalankan kajian berkaitan penambahbaikan madrasah dengan mengaplikasikan teori Thorndike serta penerbitan kreatif guru madrasah. Hasil dapatan menunjukkan teori Tjhorndike dapat meningkatkan rangsangan kepada guru. Malah, teori ini dapat meningkatkan tahap pemikiran kreatif seseorang untuk penghasilan karya. Selain itu, hasil kerja diperlukan untuk menunjukkan kewujudan peningkatan diri serta aspek sains yang semakin berkembang. Wubante

Mekonnen (2020) menjalankan kajian tentang pendekatan behaviorisme dan pembinaan ilmu. Antara prinsip yang diperoleh daripada Thorndike berkaitan pembelajaran yang memerlukan latihan dan ganjaran. Malah, pemindahan pembelajaran berlaku kerana situasi yang berlaku sebelum ini melibatkan pengalaman. Malah, teori ini melihat kecerdasan sebagai fungsi bilangan sambungan yang dipelajari.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif, iaitu:

- i. Mengenal pasti pemerolehan bahasa remaja lambat melalui penggunaan akhbar (media cetak).
- ii. Melihat sejauh mana pemerolehan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) melalui dapatan kajian.
- iii. Mengaplikasikan Teori Pelaziman Operasi yang dipelopori oleh E.L Thorndike (1874-1949) melalui analisis dapatan kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif yang menganalisis data daripada pemerolehan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) responden. Hasil pemerolehan bahasa melalui interaksi secara teks dengan menggunakan sepuluh artikel akhbar bercetak. Pemilihan akhbar berdasarkan kepentingan dan saluran berita yang tepat. Tambahan lagi, penggunaan bahasa dalam akhbar disunting dengan baik oleh editor sebelum diterbitkan. Nurul Najihah Azis (2019) menjelaskan akhbar merupakan salah satu komponen yang berpengaruh dalam membantu masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat penting.

Responden bagi kajian ini adalah seorang remaja lambat yang berusia 16 tahun. Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh responden telah disahkan oleh pengamal perubatan dan pakar pediatrik sebelum mendapat pengesahan kad Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Perlis. Kini, responden belajar di kelas berkeperluan khas dalam program inklusif (PPKI) di Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang, Perlis. Kajian dijalankan pada 5 Februari 2022 di kediaman responden. Manakala, item kajian adalah sepuluh artikel berita terpilih daripada *Berita Harian* (21 Januari 2021) dan *New Straits Time* (21 Januari 2021). Data ini dianalisis berdasarkan Teori Pelaziman Operasi E.L Thorndike.

Siti Fauziah Mohd Amin et al., (2020) menjelaskan kajian kualitatif menggunakan kaedah dokumen dalam pencarian bahan ilmiah seperti artikel jurnal, kertas persidangan, tesis dalam bentuk digital dan bukan digital dilakukan dengan menggunakan kata kunci. Nazira Sadiron et al., (2019) pencarian juga dilakukan secara manual (*hand search*) untuk mendapatkan sumber sa-linan keras seperti buku dan prosiding persidangan. Bahan kajian merupakan teks ilmiah yang berkaitan media, akhbar, pemerolehan bahasa, murid lambat dan masalah pembelajaran.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis data kajian dibahagikan kepada dua bahagian dengan lima tajuk kecil. Pembahagian ini melibatkan akhbar bercetak dalam bahasa Melayu (*Berita Harian*) sebanyak lima artikel terpilih dan akhbar bercetak bahasa Inggeris (*New Straits Time*) dengan lima artikel terpilih. Pemilihan artikel berdasarkan panjang perenggan yang mempunyai had kerana responden kajian merupakan remaja lambat berkeperluan khas yang mempunyai masalah dalam pemerolehan bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2). Responden kajian menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (B1) yang

merupakan bahasa ibundanya. Malah, responden menggunakan bahasa Melayu dalam dialek utara semenanjung Malaysia dalam komunikasi bersama keluarga dan orang sekelilingnya.

Oleh yang demikian, bahasa Melayu menjadi (B1) yang digunakan secara meluas dalam komunikasi responden yang diaplikasikan sejak lahir lagi. Pemilihan akhbar bahasa Melayu (Berita Harian) bertujuan menguji tahap pemerolehan bahasa pertama (B1) responden dalam proses pembelajarannya secara formal di sekolah. Akhbar Berita Harian dipilih kerana kedudukannya yang stabil sebagai salah satu media cetak di Malaysia. Malah, bahasa Melayu yang digunakan adalah bahasa Melayu standard yang menggunakan bahasa yang baik. Hal ini kerana, setiap berita yang diperoleh perlu menjalani proses suntingan dan semakan sebelum dibenarkan untuk proses penerbitan. Maka, pemilihan akhbar Berita Harian menjadi item kajian adalah salah satu usaha mengaplikasikan penggunaan media cetak di Malaysia dalam proses pendidikan kepada remaja berkeperluan khas.

Seterusnya, bahasa kedua responden adalah bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantar dalam proses pembelajaran formal dalam subjek bahasa Inggeris. Bahasa kedua (B2) ini tidak digunakan di rumah oleh keluarga dan orang sekeliling responden. Namun begitu, pentingnya melihat tahap pemerolehan bahasa kedua (B2) kerana kepentingannya sebagai bahasa global. Hal ini menunjukkan, setiap individu perlu mengetahui perbendaharaan kata dan menguasai bahasa Inggeris untuk kehidupan kini. Maharam Mamat (2016) menjelaskan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa global ini digunakan dengan meluas dan perlu dikuasai terutama golongan pelajar yang akan meneroka bidang ilmu dalam bidang pendidikan, seterusnya diaplikasikan dalam dunia pekerjaan.

Oleh itu, analisis data kajian bagi melihat pemerolehan bahasa kedua (B2) responden menggunakan akhbar New Straits Time yang diterbitkan di Malaysia. Hal ini kerana, akhbar New Straits Time merupakan akhbar yang telah stabil dengan penggunaan bahasa Inggeris yang baik hasil suntingan editor yang berpengalaman. Jamilah Hamzah et al., (2020) menjelaskan wartawan perlu bersiap siaga dengan pelbagai kemahiran demi memenuhi kehendak khalayak semasa agar tidak ketinggalan. Termasuklah, peranan wartawan akhbar dalam mendapatkan berita dan menyunting berita agar memperlihatkan artikel yang baik dan gramatis. Aspek tatabahasa dalam bahasa Inggeris yang digunakan dapat dijadikan alat bantu dalam pembelajaran bahasa Inggeris melalui bacaan artikel yang diterbitkan. Malah, penulisan artikel dalam bahasa Inggeris telah melalui proses semakan yang teliti sebelum diterbitkan bagi bacaan umum.

Selain itu, akhbar atau media cetak yang merupakan salah satu media massa yang penting merupakan bahan yang baik sebagai alat kajian. Hal ini kerana, kajian dijalankan kepada responden yang dibesarkan dalam keluarga berpendapatan sederhana di negeri Perlis. Pada lazimnya, kehidupan keluarga di luar bandar tidak mempunyai pendapatan tinggi untuk menyediakan kemudahan pendidikan berteknologi moden yang memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Maka, penggunaan akhbar dengan harga mampu milik digunakan dalam proses dapatan data kajian. Pembelian akhbar bercetak dilihat menggunakan kos pembelian yang lebih murah berbanding item lain seperti buku bercetak dengan visual berwarna dan penggunaan teknologi pendidikan digital melalui laman sesawang.

Kemudian, penggunaan item pendidikan melalui laman sesawang memerlukan kos yang tinggi bagi pemasangan internet dan memerlukan penggunaan data internet yang besar. Mengikut latar belakang responden kajian yang tidak mampu menyediakan kemudahan berteknologi dan pembelian bahan yang memakan kos yang tinggi maka perlunya pemilihan bahan lain yang mampu milik sebagai item kajian dan pembelajaran bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) responden. Oleh itu, akhbar atau media cetak adalah item terbaik yang digunakan dalam kajian ini. Malah, terdapat berita terkini dan pelbagai yang boleh dipilih sebagai bahan bacaan umum kepada responden.

Akhbar Bahasa Melayu (Berita Harian)

Pemerolehan bahasa pertama (B1) responden adalah bahasa Melayu yang menggunakan dialek utara semenanjung di negeri Perlis dan bahasa Melayu baku di sekolah melalui pembelajaran formal. Oleh itu, sebanyak lima artikel bahasa Melayu daripada akhbar Berita Harian keluaran 21 Januari 2022 dipilih

secara rawak. Setiap artikel yang diberikan perlu dibaca oleh responden dan dibantu oleh waris dalam menerangkan maklumat dalam artikel. Responden membaca perenggan pertama sahaja bagi melihat tahap bacaan responden dalam bahasa pertama (B1). Kemudian, masa diberikan lima minit untuk responden mencatatkan maklumat yang difahami daripada artikel dalam akhbar yang dicaca dan diterangkan kepadanya. Data diperolehi melalui hasil tulisan berbentuk teks oleh responden.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar Berita Harian	Dapatan Responden
1.	Piala Raja Sepanyol Atletico Tersingkir	1. bola sepak 2. Sepanyol 3. Madrid

Jadual 1. Dapatan Artikel Berita *Piala Sepanyol Atlica Tersingkir*.

Responden kajian tidak mempunyai masalah dalam bacaan artikel berita bahasa Melayu yang merupakan bahasa pertama (B1) kepadanya. Dalam artikel pertama, selama lima minit yang diberikan menunjukkan responden mencatatkan tiga perkataan sahaja. Perkataan yang dicatatkan oleh responden menunjukkan pemerolehan bahasa yang berjaya difahami oleh responden dalam artikel ini. Perkataan *bola sepak* menunjukkan pemahaman tentang permainan tersebut yang selalu didengar oleh responden sebelum menjalankan kajian ini lagi. Bagi lokasi sesuatu peristiwa seperti *Sepanyol* dan *Madrid* lebih mudah difahami oleh responden. Hal ini kerana, tempat merupakan kata nama khas yang menggunakan huruf besar di hadapan perkataan dan memudahkan pemerolehan bahasa responden.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar Berita Harian	Dapatan Responden
2.	Kos baiki kenderaan tenggelam banjir cecah RM90,000	1. banjir 2. cecah RM90.000 3. Kenderaan rosak 4. Kuala Lumpur

Jadual 2. Dapatan Artikel Berita *Kos Baiki Kenderaan Tenggelam Banjir Cecah RM90,000*.

Dalam artikel berita pilihan kedua pula memperlihatkan pemerolehan Bahasa responden lebih baik daripada artikel pertama. Pemerolehan Bahasa pertama (B1) responden juga disokong oleh isu semasa yang disiarkan melalui media elektronik di televisyen. Perkataan *banjir* difahami kerana keadaan yang berlaku dan didengar melalui perbualan ahli keluarga dan siaran televisyen. Bagi pemerolehan dalam angka tidak menunjukkan masalah kepada responden. Namun begitu, melalui penulisan teks yang dianalisis menunjukkan *cecah RM90.000* berlaku kesalahan dalam penggunaan tanda baca. Responden tidak menguasai penggunaan tanda baca dalam teks dengan kekeliruan penggunaan koma (,) dan titik noktah (.). Walaupun semasa kajian, responden dibenarkan melihat dan membaca artikel tetapi penggunaan tanda baca tidak dapat dibezakan olehnya melalui data yang diperolehi. Bagi perkataan *Kenderaan rosak* menunjukkan responden memahami bahawa artikel tersebut membicarakan tentang kerosakan kenderaan akibat banjir. Bagi penggunaan nama tempat dan kata nama khas tidak menjadi masalah dalam pemerolehan Bahasa pertama (B1) responden. Perkataan *Kuala Lumpur* memperlihatkan pemahaman dan pemerolehan bahasa yang jelas tentang lokasi tempat dalam artikel.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar Berita Harian	Dapatan Responden
3.	Tempoh kuarantin 5 hari	1. kuarantin 2. pengembara 3. dos penggalak 4. 5 hari

Jadual 3. Dapatan Artikel Berita *Tempoh Kuarantin 5 Hari*.

Selepas itu, analisis dalam artikel ketiga menunjukkan pemerolehan bahasa melalui empat perkataan. Responden memahami dengan jelas tentang istilah *kuarantin* kerana pernah melalui peristiwa tersebut bersama ahli keluarganya. Bagi perkataan *pengembara* juga difahami dengan baik bahawa seseorang yang bergerak ke sesuatu tempat. Malah, responden memahami *dos penggalak* melalui artikel kerana

kerap mendengar isu dos penggalak yang diperkatakan di sekelilingnya. Bagi tempoh masa, iaitu 5 hari difahami dengan jelas oleh responden kerana berkaitan tempoh masa yang ditulis menggunakan angka.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar Berita Harian	Dapatan Responden
4.	Mengejek bentuk fizikal jenayah bahaya	1. mengejek 2. gemuknya 3. merina 4. berdosa

Jadual 4. Dapatan Artikel Berita *Mengejek Bentuk Fizikal Jenayah Bahaya*.

Kemudian, artikel berita juga memuatkan tentang isu semasa berkaitan *body shaming* yang sedang tular di media sosial. Responden memahami isi artikel tentang kelakuan *mengejek* kerana pernah melalui peristiwa tersebut. Begitu juga perkataan *gemuknya* yang biasa digunakan dalam komunikasi verbal. Namun begitu, penulisan teks oleh responden mengalami kesalahan penulisan *merina* yang sepatutnya ditulis sebagai *menghina*. Bagi perkataan *berdosa* difahami dengan jelas oleh responden kerana perkataan ini sering didengar olehnya secara berulang kali dalam persekitaran responden.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar Berita Harian	Dapatan Responden
5.	Bayi 12 bulan lemas jatuh dari titian	1. bayi 2. lemas 3. meninggal dunia

Jadual 5. Dapatan Artikel Berita *Bayi 12 Bulan Lemas Jauh dari Titian*.

Akhir sekali, artikel pilihan kelima menunjukkan responden mamahami perkataan *bayi* yang bermaksud kanak-kanak tetapi masih lagi kecil. Perkataan ini selalu didengar oleh responden melalui media elektronik, media sosial dan disebut oleh orang sekelilingnya. Bagi perkataan *lemas* difahami dengan baik kerana selalu menjadi amaran kepada diri responden jika berkunjung ke pusat rekreasi seperti kawasan air terjun. Manakala, perkataan *meninggal dunia* difahami dengan jelas oleh responden kerana menjadi perkataan yang lazim disebut oleh persekitarannya apabila mendengar hal kematian seseorang.

Akhbar Bahasa Inggeris (New Straits Time)

Manakala, pemerolehan bahasa kedua (B2) responden adalah bahasa Inggeris yang digunakan oleh guru bagi proses pembelajaran di sekolah. Bahasa Inggeris merupakan bahasa asing atau bahasa kedua (B2) yang diketahui oleh responden dan pernah melalui proses pembelajaran bahasa asing. Oleh itu, sebanyak lima artikel bahasa Inggeris daripada akhbar New Straits Time keluaran 21 Januari 2022 dipilih secara rawak untuk melihat pemerolehan bahasa kedua (B2) responden. Setiap artikel diberikan dan responden perlu membaca perenggan pertama sahaja untuk melihat tahap bacaan bahasa kedua (B2). Bagi bahasa kedua (B2) proses penerangan dan penterjemahan dibantu oleh penyelidik. Prosedur yang sama semasa proses dapatan bahasa pertama (B1) dilakukan dengan memberikan masa lima minit bagi setiap artikel untuk menulis hasil pemerolehan responden. Oleh itu, data dianalisis melalui teks yang ditulis oleh responden bagi setiap artikel.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar New Straits Time	Dapatan Responden
1.	'Production value to drop due to floods'	1. production 2. floods 3. RM4 bil RM8 billion

Jadual 6. Dapatan Artikel Berita *Production Value to Drop Due to Floods*.

Bagi pemerolehan bahasa Inggeris (B2) responden menunjukkan kelemahan yang ketara kerana gagal membaca ayat dalam artikel berita. Namun begitu, penerangan dan pertermahan daripada penyelidik memberikan pemahaman dalam maklumat berita yang disampaikan. Responden memahami makna *production* dan *floods* dalam bahasa Melayu. Malah, memahami makna yang dimaksudkan dalam tajuk

berita. Walau bagaimanapun, dalam pemerolehan bahasa melibatkan angka dapat difahami dengan baik oleh responden. Tetapi berlaku kesalahan dalam penulisan teks oleh responden yang tidak menulis penuh serta menulis terus di dalam satu ayat bagi *RM4 bil RM8 billion*. Di sini menunjukkan penulisan teks ditulis tanpa disemak dan diketahui kesalahan penulisannya dalam ayat yang sama.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar New Straits Time	Dapatan Responden
2.	Boat with 27 illegals capsizes, 2 killed	1. Illegals 2. Boat 3. 2 killed 4. 3.45.am 5. 4.50am

Jadual 7. Dapatan Artikel Berita *Boat with 27 Illegals Capsizes 2 Killed*.

Kemudian, artikel pilihan kedua dalam New Straits Time menunjukkan pemerolehan yang lebih baik daripada artikel sebelumnya. Setelah diterangkan dan diterjemahkan, responden memahami makna *illegals* yang merujuk kepada pendatang asing. Begitu juga perkataan *boat* yang difahami dengan jelas kerana penggunaannya dalam bahasa Melayu adalah *bot* yang selalu digunakan dalam komunikasinya. Perkataan *2 killed* mudah difahami kerana mempunyai penggunaan angka dalam ayat. Selain itu, responden memahami penggunaan angka yang melibatkan masa tetapi penggunaan titik noktah (.) menjadi kesalahan tanda baca dalam penulisan teks responden. Ia boleh dilihat dalam *3.45.am* yang sepatutnya tidak mempunyai noktah selepas angka lima. Begitu juga kesalahan apabila *4.50am* didekatkan sedangkan tidak didekatkan selepas penggunaan angka.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar New Straits Time	Dapatan Responden
3.	TikToker speaks in local dialect to promote tourism in Perlis	1. tikToker 2. Perlis 3. followers 4. 31 5. nurse 6. penang 7. 80.000 likes

Jadual 8. Dapatan Artikel Berita *TikToker Speaks in local Dialect to Promote Tourism in Perlis*.

Selepas itu, artikel berita pilihan ketiga menunjukkan paling banyak perkataan yang ditulis bagi menunjukkan pemahaman responden dalam artikel ini. Hal ini kerana, maklumat penting berita tersebut adalah isu tular dalam media sosial yang sering dibualkan dalam persekitaran responden. Walaupun berlaku kesalahan dengan tidak menggunakan huruf besar bagi permulaan ayat tetapi *tikToker* difahami dengan jelas aplikasi itu oleh responden. Perkataan *Perlis* adalah negeri yang menjadi tempat tinggal responden dan sangat diketahui sejak kecil. Manakala, perkataan *followers* diketahui dengan jelas melalui media sosial yang pernah dilihat responden. Bagi angka *31* merujuk kepada usia dalam artikel berita juga difahami jumlah tersebut dengan jelas. Perkataan *nurse* adalah ungkapan yang selalu didengar dan responden mengenali pekerjaan tersebut kerana selalu bertemu. Namun begitu, penulisan teks responden mengalami kesalahan kerana tidak menggunakan huruf besar untuk kata nama khas *penang*. Begitu juga kesalahan penggunaan tanda baca noktah (.) pada *80.000 likes*.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar New Straits Time	Dapatan Responden
4.	Shipping delays affecting Labuan' duty-free image	1. Labuan 2. chocolates 3. Sabah

Jadual 9. Dapatan Artikel Berita *Shipping Delays Affecting Labuan' Duty Free Image*.

Seterusnya, artikel keempat menunjukkan responden memahami kejadian dalam berita adalah di *Labuan* dan *Sabah*. Hal ini kerana, nama negeri di Malaysia telah diketahui dengan jelas sebelum kajian dijalankan lagi melalui pembelajaran di sekolah. Selain itu, perkataan *chocolates* difahami responden

kerana menjadi makanan kesukaannya dan begitu jelas diketahui sejak kecil lagi tentang penggunaan istilah tersebut. Malah, sebutan yang hampir sama dengan sebutan bahasa Melayu memudahkan responden mengingat perkataan *chocolates*.

Bil.	Tajuk Artikel Akhbar New Straits Time	Dapatan Responden
5.	Since 2020 '580,000 kids have caught Covid'	1. covid-19 2. 580.000 3. 5 to 11 4. Pfizer-Biotech 5. 144

Jadual 10. Dapatan Artikel Berita *Since 2020 '580,000 Kids have Caught Covid'*..

Akhir sekali, adalah artikel pilihan kelima dalam New Straits Time menunjukkan pemerolehan bahasa yang lebih baik berbanding artikel keempat. Hal ini kerana, artikel berkaitan covid-19 adalah isu semasa yang sering dibincangkan bersama responden melalui orang sekelilingnya. Perkataan *covid-19*, *Pfizer-Biotech* adalah difahami melalui pengalaman responden sendiri. Bagi angka difahami oleh responden tetapi pada *580.000*, angka yang besar mengalami kesalahan penggunaan noktah (.). Namun begitu, kesalahan penggunaan tanda baca pada angka tidak berlaku pada angka yang kecil seperti *5 to 11* dan *144*.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan media cetak seperti akhbar masih lagi relevan digunakan sebagai bahan pembelajaran mampu milik. Namun begitu, kandungan dan persembahan akhbar boleh ditingkatkan bagi menarik perhatian pembaca seperti golongan berkeperluan khas daripada keluarga sederhana di luar bandar. Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan (2018) menjelaskan dalam usaha meningkatkan sirkulasi akhbar cetak, menambahbaik isi kandungan adalah antara yang terpenting dilakukan semua akhbar untuk survival mereka bagi kedua-dua akhbar cetak dan akhbar online.

Dalam Teori Pelaziman Operasi E.L Thorndike menjelaskan situasi yang berlaku dalam pemerolehan Bahasa manusia adalah berlandaskan behaviorisme atau tingkah laku. Hasil tingkah laku kini dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu yang menghasilkan tingkah laku baharu. Malah, hubungan dan rangsangan akan menjadi lebih stabil dengan tingkah laku yang positif. Dalam kajian ini responden memperlihatkan tindakan yang positif cuba memahami penerangan dan penterjemahan yang diberikan oleh penyelidik dan waris semasa proses kajian. Malah, ganjaran yang diberikan dapat meningkatkan kemahuan responden untuk memahami sesuatu artikel berita melalui akhbar yang diberikan.

Dapatan dalam pemerolehan Bahasa pertama (B1) menunjukkan pemahaman responden berdasarkan pengetahuan sebelum kajian dilakukan lagi. Malah, dari aspek bacaan tidak berlaku masalah untuk pemerolehan Bahasa pertama (B1) tetapi mengalami kelemahan yang ketara dalam penulisan teks dan memahami artikel berita. Di mana, responden dilihat hanta menguasai morfologi Bahasa Melayu tanpa dapat menjelaskan sesuatu pemahaman menggunakan ayat yang lebih panjang. Hal ini menunjukkan, aspek sintaksis Bahasa pertama (B1) masih lagi berada pada tahap yang lemah dan memerlukan lebih banyak latihan dalam Bahasa Melayu.

Bagi dapatan dalam Bahasa Inggeris, iaitu Bahasa kedua (B2) menunjukkan kelemahan dalam bacaan berbanding bacaan Bahasa pertama (B1). Hal ini kerana, latar belakang responden dan penggunaan Bahasa dalam komunikasi seharian yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris. Namun begitu, bagi istilah yang lazim didengar secara berulang kali oleh responden dapat diingati dan difahami dengan baik dalam Bahasa kedua (B2). Oleh itu, bagi meningkatkan pemerolehan Bahasa kedua (B2) maka perlunya

penggunaan Bahasa Inggeris dalam komunikasi secara berulang kali bagi memantapkan ingatan responden terhadap sesuatu perkataan.

Melalui kajian ini dapat dilihat remaja lambat berkeperluan khas dapat mempelajari Bahasa melalui akhbar. Malah, akhbar dalam bahasa Melayu dan Inggeris mempunyai struktur bahasa yang baik. Suntingan dan garapan ayat yang gramatis dalam masa yang sama mampu meningkatkan kadar pemerolehan bahasa remaja lambat. Hal ini kerana, pemerolehan bahasa memerlukan penekanan yang berulang kali dalam proses pembelajaran bagi membantu memantapkan ingatan jangka masa panjang seseorang remaja berkeperluan khas.

RUJUKAN

- Abdul Majid Khan Rana, Muhammad Jehanghir, Shafiq Ur Rehman, Kashif Ishaq & Adnan Abid. 2021. Classroom Practices for Slow Learners in The Punjab, Pakistan. *JRSP*, Vol. 58, No 1, 159-165.
- Agus Miftakus Surur. 2020. Thorndike's Theory for Improving Madrasah Teacher's Creative Thinking and Publication. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research. Proceedings of the International Conference on Engineering, Technology and Social Science (ICONETOS) 2020*. Vol. 529, 828-839.
- Annaliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2021. LiNuSR: Impak Pengurusan Bilik Darjah di Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 8, Isu 1, 1-12.
- Appaji Korikana. 2020. "Slow Learners- A Universal Problem and Providing Educational Opportunities to Them to Be A Successful Learner". *PEOPLE: International Journal of Social Sciences*. Vol. 6 Issue 1, 29-42.
- Azman Ab Rahman, Syed Salim Syed Shamsuddin, Nurul Nadia Nozlan, Muhd. Faiz Abd. Shakor & Afaf Sukari. 2021. Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam Pendidikan Khas bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran di Malaysia. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 5 June 2021, 127-138.
- Cheah Yi Lin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2020. Kesiediaan Penguasaan Kemahiran Lisan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua Menerusi Pengimplementasian Didik Hibur dalam Talian. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed) 2020, Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang, Malaysia, 17-18 November 2020*, 34-45.
- Chew Fong Peng & Rusdaine Mohamed. 2013. Keberkesanan Penggunaan Akhbar dalam Pengajaran Karangan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, Vol. 3, Bil. 2, 18-30.
- Choy Sow Yan & Hazura Mohamed. 2020. Aplikasi Permainan Matematik untuk Murid Lambat. PTA. Fakulti Teknologi Sains Maklumat. *Universiti Kebangsaan Malaysia*. 2020- 164, 1-13.
- Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud. 2021. Minat, Tingkah Laku Distraktif dan Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 4, 49-64.
- Dewi Kumala Sari & Rasyimah. 2021. Neurolinguistik: Teori Linguistik Dan Pemerolehan Bahasa Pada Anak. *Jurnal Pendidikan Bahasa & Sastra Indonesia*. Vol. 5, No. 2, 74-77.
- Emilayah Nur. 2021. Peran Media Massa Dalam Menghadapi Serbuan Media Online. *Majalah Ilmiah Semi Populer Komunikasi Massa. e-Journal Penelitian dan Pengembangan Komunikasi dan Informatika*. Vol. 2 No. 1, 51 – 64.

- Fajriah Fajriah, Samsudi Samsudi & Haryono. 2021. Developing Learning Service Models for Slow Learners to Optimize Inclusive Education in Semarang Junior High School. *Innovative Journal of Curriculum and Educational Technology*. Vol. 10, No. 2, 108 – 122.
- Hasan Basri, Shofia Amin, Mirsa Umiyati, Hamid Mukhlis & Rita Irviani. 2020. Learning Theory of Conditioning. *Journal Of Critical Reviews*. Vol. 7, ISSUE 08, 2024-2031.
- Hasrul Hashim & Mohd Azul Mohamad Salleh. 2021. Analisis Strategi Komunikasi Penerbitan Pesanan Khidmat Awam (PKA) Pandemik COVID-19. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Jilid 37(4), 88-103.
- Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin. 2021. Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 6, Issue 2, 197 – 210.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. 2021. Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. Vol. 11, Bil. 1, 16-28.
- Jamilah Hamzah, Khairunnisa Kamal Azi, Nurul Hidayah Hamid, Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor & Norsiah Abdul Hamid. 2020. Perubahan Lanskap Teknologi Media: Kesan, Cabaran dan Masa Depan Dunia Kewartawanan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*. Vol. 3 Issue 14, 184-195.
- Khomsahrial Romli. 2021. Media Massa Dalam Upaya Pemahaman Tentang Social Distancing kepada Masyarakat. *Jurnal KOMUNIKA*. Vol. 4 No.1, 19-32.
- Maharam Mamat. 2016. Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di UKM. *Issues in Language Studies*. Vol. 5 No. 2, 28-42.
- Maroua Rogti. 2021. Behaviorism as External Stimuli: Improving Student Extrinsic Motivation through Behavioral Responses in Algerian College Education. *Global Journal of HUMAN-SOCIAL SCIENCE: G Linguistics & Education*. Vol. 21 Issue 1, Version 1.0, 28-41.
- Mohd Fadhil Aziz & Mardzelah Makhsin. 2021. Pengaruh Media Sosial Terhadap Penampilan Akhlak. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*. Vol. 6 Issue 42, 74-82.
- Muhamad Yasir. 2021. Pemerolehan Bahasa Pertama pada Anak Usia 9 Tahun: Kajian Pemerolehan Fonologi dan Ujaran. *Deiksis*. Vol. 13 No. 3, 249-256.
- Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Rozainee Khairudin. 2019. Psikologi Penagihan Dadah: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*. Vol. 33 (1), 12-34.
- Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran. 2021. Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*. Vol. 1, Issue 4, 32-39.
- Noraihan Mohamad, Mohd Sobhi Ishak & Sabrina Mohd Rashid. 2016. Keputusan Pembelian: Jalinan Antara Media Cetak, Media Atas Talian dan Media Bersemuka. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 3 (1), 124-139.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Wan Rasyidah Wan Nawang, Wan Nur Fazni Wan Mohamad Nazarie, Hanifah Abdul Hamid & Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee. 2021. Gelagat Pengguna Dan Penjanaan Kekayaan Sewaktu Pandemik Covid-19: Satu Analisis Konseptual. *ULUM ISLAMIYYAH. The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. Vol.33 (S4), 247-269.
- Nurul Najihah Azis. 2019. Pemberitaan Akhbar Kosmo dan Berita Harian: Analisis Kandungan ke atas Berita Siber. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. 3(2), 1-13.
- Nusaibah Wan Fatul & Aliza Alias. 2020. Pengetahuan Guru Prasekolah Mengenai Ciri-

- Ciri Murid Masalah Pembelajaran. *JQSS– Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. Vol. 4 (2), 45-53.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. 2017. Pembangunan Kit Asas Membaca bagi Kanak-Kanak Lembam. *PERTANIKA. MAHAWANGSA*. Vol.4 (1), 131 – 146.
- Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Bukhari. 2016. Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)*. Jil.16, Bil.2, 323-348.
- Riris Valentina Sihombing. 2021. Pemerolehan Bahasa Anak Usia Dua Tahun pada Kajian Akuisisi Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol. 5, No. 2.58-62.
- Saifulazry bin Mokhtar, Kasoma Thia, Irma Wani Othman & Mohd Maziz al Hadi Moharam. 2021. Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. *5 th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021 03 - 05 August 2021*, 408-418.
- Shaidatul Nadira binti Shaharum & Roslinda binti Rosli. 2018. Tahap Pengetahuan Tiga Orang Pelajar Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (Lembam) dalam Penambahan Nombor Bulat. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018) 5 Julai 2018*, 165-172.
- Siti Fauziah Mohd Amin, Sabariah Sharif, Mad Nor Madjapuni & Muralindran Mariappan. 2020. Implementasi Teori Pelaiman Operan Skinner dalam Pembangunan Modul Robot M-Solat. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 5 Issue 35, 38-48.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan. 2018. Masa Hadapan Akhbar Malaysia Dalam Masyarakat Jaringan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jil. 34(4), 214-231.
- Stefania Cataudella, Stefano Carta, Maria Lidia Mascia, Carmelo Masala, Donatella Rita Petretto & Maria Pietronilla Penna. 2021. Psychological Aspects of Students with Learning Disabilities in E-Environments: A Mini Review and Future Research Directions. *Frontier in Psychology. Mini Review*, 1-15.
- Ulfa Khusnatul Hidayah, Mohamad Jazeri & Binti Maunah. 2021. Teori Pemerolehan Bahasa Nativisme LAD. *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa & Sastra Indonesia*. Vol. 6 No.2, 177-188.
- Vience Mutiara Rumata. 2018. Digitalisasi dan Eksistensi Media Cetak (Studi Kualitatif Majalah Go Girl dan Harian Suara Pembaharuan). *Jurnal Komunikologi*. Vol. 15 No. 2, 128-136.
- Wubante Mekonnen. 2020. Review on Behaviorist Approach and the Construction of Knowledge. *International Journal of English Literature and Culture*. Vol. 8(6), 164-171.
- Yofiendi Indah Indainanto. 2021. Masa Depan Media Massa di Era Digital. *Jurnal Ilmiah Muqoddimah*. Vol. 5, No. 1, 24-37.
- Yul Mahmudah. 2021. Studi Literatur: Perkembangan Bahasa Pada Anak Usia Dini. *Jurnal Bimbingan Kaunseling Islam. Institut Agama Islam Sunan Kalijogo Malang*. Vol. 3, No.1, 22-29.